

03 JAN 2001

Abdullah-MAS

KERAJAAN AKAN BERI PERHATIAN PADA PANDANGAN MASEU, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 3 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata hari ini kerajaan akan memberi perhatian terhadap pandangan Kesatuan Pekerja Penerbangan Malaysia Semenanjung Malaysia (Maseu) supaya kerajaan tidak menjual saham MAS semula kepada individu atau menjual syarikat penerbangan nasional itu kepada syarikat asing.

"Kita akan beri perhatian kepada pandangan yang dikemukakan oleh Maseu itu," kata Timbalan Perdana Menteri kepada pemberita di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang, dekat sini.

Beliau berada di pangkalan TUDM itu untuk mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berlepas untuk melakukan lawatan kerja selama dua hari ke Myanmar.

Abdullah telah diminta mengulas kenyataan Presiden Maseu Alias Aziz semalam yang menyatakan bahawa anggota kesatuan itu lebih selesa sekiranya kerajaan terus menguasai kepentingan MAS.

Alias juga berkata langkah kerajaan membeli balik 29.09 peratus saham MAS yang dimiliki oleh Tan Sri Tajudin Ramli melalui Naluri Berhad (Naluri) itu pada 20 Dis lepas juga dapat menyelamatkan syarikat penerbangan nasional itu daripada dikuasai syarikat penerbangan asing.

Naluri telah mengumumkan pembelian balik kepentingannya itu oleh kerajaan pada harga RM8 sesaham atau bernilai RM1.792 bilion.

Abdullah berkata kerajaan juga menghargai kenyataan Maseu mengenai kesediaan mereka untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan MAS.

Katanya, dengan azam itu, banyak lagi penumpang dan pelancong akan menggunakan perkhidmatan MAS pada tahun-tahun akan datang.

"Saya yakin kenyataan ini tentu akan disambut baik oleh rakyat Malaysia dan pelanggan-pelanggan MAS," kata Abdullah.

Alias berkata MAS tidak ada pilihan lain lagi kecuali diselamatkan kerajaan bagi kepentingan negara kerana negara tidak mahu sampai satu peringkat MAS akan dikuasai orang asing atau terus ditutup.

Beliau berkata ura-ura pembelian saham MAS oleh syarikat penerbangan asing beberapa bulan lepas telah menimbulkan kegelisahan di kalangan kakitangan MAS yang khuatir khidmat mereka akan ditamatkan.

Katanya, Maseu yang mempunyai keanggotaan seramai 8,500 orang berterima kasih kepada kerajaan yang berjanji akan memastikan nasib kakitangan MAS terjamin dan tiada tindakan pengurangan pekerja dilakukan, katanya.

Pada Isnin lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kakitangan MAS tidak perlu bimbang dengan kedudukan mereka kerana kerajaan tidak pernah memberhentikan pekerja sama ada apabila mengambil alih sesebuah syarikat atau ketika melaksanakan penswastaan.

Presiden Persatuan Pengurus MAS, Shul Hameed Marican turut berkata semalam bahawa pembelian balik saham dan jaminan kerajaan tidak memberhentikan pekerja itu, melegakan kakitangan MAS.

-- BERNAMA

ES ES NMO